

DEWAN NEGARA YANG KELIMA  
MALAYSIA

---

PENGGAL YANG KETIGA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI ISNIN, 13HB APRIL, 1981, PUKUL 2.30 PETANG

Bil. 1

1

LAPORAN TITAH UCAPAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

---

Mengangkat Sumpah

---

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

**\*1.** **Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat pertubuhan yang menyeleweng dari dasar mereka seperti campur tangan dalam politik dan jika sedar apakah tindakan yang akan diambilnya supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi; dan sama ada beliau bercadang menukuhan sebuah Suruhanjaya Khas, selain daripada pendaftar pertubuhan yang ada sekarang, untuk memerhati aktiviti-aktiviti persatuan dan pertubuhan.

**\*2.** **Tuan Haji Ariffin Salleh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar tentang penjualan pedang-pedang yang diukir dengan ayat-ayat Al-Quran di Kelantan yang menimbulkan kegelisahan dan keimbangan rakyat di setengah-setengah kawasan; jika sedar, apakah tindakan yang diambil dan benarkah ia dilakukan oleh satu golongan dari salah sebuah parti politik.

**\*3.** **Dato' Yap Peng** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sikap dan disiplin murid sekolah terutama sekali di padang permainan sekolah adalah tidak memuaskan sehingga baru-baru ini pernah berlaku 3 orang pemain hoki sekolah dipukul hingga pengsan; jika ya, apakah tindakan beliau akan ambil supaya ibubapa tidak akan merasa takut membenarkan anak-anak mereka mengambil bahagian dalam acara sukan atau permainan sekolah.

**\*4.** **Puan Ragayah Ariff** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mendirikan pondok telefon yang berhampiran dengan stesyen keretapi bagi kemudahan-kemudahan orang ramai.

**\*5.** **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa harga minyak mentah Malaysia adalah yang tertinggi di dunia dan jika benar nyatakan kiraan harga jual minyak itu.

\*6. **Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu Kerajaan Negeri Selangor untuk mempercepat dan menyempurnakan pembangunan bandar SHAH ALAM sejajar dengan tarafnya sebagai ibu Negeri Selangor.

\*7. **Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau akan memberhentikan khidmat semua Jet Tebuan yang masih digunakan memandangkan sejumlah enam kemalangan telah berlaku.

\*8. **Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah perlu yang telah diambil bagi memastikan bahawa kantin-kantin sekolah menyediakan makanan-makanan yang berkhasiat dan memastikan juga agar kantin-kantin tersebut berada dalam keadaan bersih dari segi kesihatan.

\*9. **Tuan Abdullah bin Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar kegiatan Ali Baba boleh timbul dalam penjualan saham ASN yang dijual kepada bumiputra sekarang ini. Jika demikian adakah Kerajaan sudah mempunyai rancangan bagi menyekatnya.

\*10. **Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilakah akan dilaksanakan Pengkalan Merin Polis Di Raja Malaysia atau Pasukan Keselamatan untuk Perairan Pantai Timor Malaysia Barat, khasnya di Pantai dan Perairan Negeri Trengganu; dan tidakkah Kementerian sedar akan keselamatan kaum-kaum nelayan yang sentiasa terancam oleh musuh-musuh seperti lanun-lanun dan sebagainya yang mana dengan ketidaan kawalan keselamatan menyebabkan kerosakan dan kerugian unjang-unjang/bubu-bubu mereka yang berharga ratusan ribu ringgit.

\*11. **Tuan Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula untuk mengurangkan ekspot kayu balak untuk menjamin bahan ini tidak akan kurang dalam negara ini.

\*12. **Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan beliau telah dan akan diambil untuk melindungi pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri supaya terhindar dari peristiwa yang telah berlaku di Kanada baru-baru ini di mana pelajar-pelajar tersebut telah tersadai dan sama ada Kementerian bercadang menyenaraikan nama-nama sekolah yang terlibat supaya rakyat tidak akan tertipu lagi.

\*13. **Datuk Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa nelayan-nelayan yang menangkap ikan di Selat Melaka selalu diancam oleh lanun-lanun dan kerap kali mengalami kerugian dan kecemasan dan jika sedar, apakah tindakan Kerajaan dalam hal ini.

\*14. **Tuan Loh Kee Peng** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bilangan penduduk di Negeri Melaka makin bertambah dan memerlukan perkhidmatan perubatan yang sesuai; jika sedar, sama ada beliau bercadang untuk membesarkan Hospital Besar Melaka serta Hospital-hospital Daerah di Jasin dan Alor Gajah.

**\*15.** **Tuan Alexander Lee** minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan permintaan yang tinggi terhadap pelajaran peringkat tinggi apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menambah pengambilan pelajar-pelajar bagi 10 tahun akan datang ke institusi-institusi berikut:

- (a) Universiti Malaya;
- (b) Universiti Sains Malaysia;
- (c) Universiti Teknologi Malaysia;
- (d) Universiti Pertanian Malaysia; dan
- (e) Universiti Kebangsaan Malaysia.

**\*16.** **Tuan Ibrahim bin Salleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Hospital Daerah Raub kekurangan doktor dan jika ya, sama ada Kerajaan akan menghantar lebih ramai doktor untuk berkhidmat di Hospital tersebut.

**\*17.** **Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah peranan yang telah diusaha dan kejayaan yang didapati oleh Bahagian Penyertaan Bumiputra dalam :

- (a) Perindustrian; dan
- (b) Perdagangan Luar Negeri.

**\*18.** **Datuk Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan faedah politik dan ekonomi yang diperolehi oleh Malaysia hasil dari lawatan Perdana Menteri Jepun ke negara ini pada 15hb Januari, 1981 dan nyatakan juga sama ada semua negara Asean yang dilawati oleh beliau mendapat bantuan kredit yen dari Negeri Jepun.

**\*19.** **Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada semua Jabatan Kerajaan disediakan tempat untuk membolehkan pekerja-pekerja yang berugama Islam bersembahyang atau menjalankan lain-lain kegiatan ugama; jika ya, sama ada guru-guru ugama juga disediakan untuk tujuan tersebut.

**\*20.** **Tuan S. Subramaniam** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa setinggan-setinggan di tanah Kerajaan, jika dikehendaki berpindah dari tempat kedudukan mereka oleh sebab rancangan-rancangan Kerajaan, adalah ditempatkan di rumah kos rendah atau rumah pangsa atau pun di tanah Kerajaan di tempat lain, tetapi bantuan seperti ini tidak diberi kepada setinggan di atas tanah persendirian. Jika sedar apakah tindakan Kementerian akan ambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh setinggan-setinggan di atas tanah persendirian supaya mereka ditempatkan semula.

**\*21.** **Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada kajian telah dibuat ke atas bahan-bahan mentah laut negara ini. Apa langkah-langkah pragmatis yang diambil untuk merumuskan dasar keluaran laut yang boleh menentukan nafkah hidup bagi mereka yang bergantung kepada hasil laut.

\*22. **Tuan Haji Ya'acob bin Haji Engku Yunus** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah penagih dadah yang terdapat di negara kita ini dalam tempoh 1-1-1979 hingga 31-12-1980.

\*23. **Tuan K. Kumaran** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Majlis Perundingan Belia Negara (National Youth Consultative Council) masih aktif dan jika masih aktif nyatakan fungsi Majlis ini sekarang dan berapa kali Majlis ini telah bermesyuarat semenjak tahun 1979.

\*24. **Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan kadar dan jumlah pertumbuhan bekalan wang (M3) dalam masa lima tahun yang lepas, dan sama ada kesan pertumbuhan ini mengakibatkan inflasi pada masa ini.

\*25. **Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan menjelang Rancangan Malaysia Keempat ini sama ada beliau sedar bahawa banyak projek-projek di dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga yang belum dilaksanakan terutama sekali di kawasan luar bandar.

\*26. **Tuan V. V. Aboo** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang menubuhkan satu badan khas untuk mengkaji dan menyiasat kegagalan beberapa buah projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

\*27. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa pihak Petronas telah menandatangani satu perjanjian kerjasama dengan Kerajaan Kuwait untuk menjalankan industri minyak di sana.

\*28. **Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin** minta Menteri Pertanian menyatakan sikap dan dasar Kerajaan terhadap Persatuan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai sebuah badan perniagaan koperasi induk kepada koperasi-koperasi pertanian dan pertubuhan/persatuan peladang.

\*29. **Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau akan cuba merapatkan hubungan di antara negeri China dan Vietnam untuk mencari penyelesaian politik dalam masalah Kampuchea.

\*30. **Tuan Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak mengadakan undang-undang untuk menyekat bukan warganegara daripada memiliki rumah.

\*31. **Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membeli sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang dan jika ya nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil.

\*32. **Datuk Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pertukaran nilai wang ringgit Malaysia dengan wang ringgit Singapura semakin merusut baru-baru ini dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk menyamakan wang ringgit Malaysia dengan wang ringgit Singapura dan Brunei.

**\*33.** **Tuan Alexander Lee** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan akan menyediakan peluang-peluang untuk rakyat Malaysia mempelajari mata pelajaran sains dan teknologi yang diperlukan untuk pembangunan negara melalui:

- (a) pengambilan lebih ramai kakitangan asing dan pensyarah-pensyarah serta professor-professor tempatan untuk kolej-kolej dan universiti-universiti bagi memenuhi keperluan pengambilan lebih ramai pelajar-pelajar;
- (b) mengajar lebih ramai pelajar-pelajar melalui kelas-kelas tambahan;
- (c) mengadakan kursus-kursus luar kampus; dan
- (d) mengajar mata-mata pelajaran sains yang khusus melalui T.V.

Jika ada, apakah rancangan-rancangannya dan jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**\*34.** **Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan peranan dan kesimpulan yang telah didapati oleh utusan muhibbah yang beliau sendiri hadir bersama untuk mendamaikan persengketaan Iran/Iraq baru-baru ini.

**\*35.** **Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar iaitu ada beberapa buah sekolah di kawasan luar bandar dan kampung-kampung baru yang tidak mempunyai nombor Kementerian Pelajaran (KP) atau nombor Jabatan Kerjaraya (JKR). Berapa bilangan sekolah-sekolah ini mengikut bahasa penghantar dan apakah langkah-langkah yang telah diadakan untuk menaikkan taraf sekolah-sekolah ini supaya membolehkannya menikmati kemudahan-kemudahan penyelenggaraan yang diberi oleh Kementerian melalui JKR.

**\*36.** **Tuan K. Kumaran** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang mempergiatkan lagi aktiviti Majlis Perundingan Belia Negara agar Majlis ini menjadi suatu badan “feedback” bagi Kementerian menyelaras aktivitinya, jika ya, nyatakan semua aktiviti Majlis ini dan nyatakan semua badan belia yang menjadi anggotanya.

**\*37.** **Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan ketegangan berterusan di Asia Tenggara terutamanya di Kampuchea sama ada kuasa-kuasa besar akan masuk campur dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Asean mengenai perkara ini.

**\*38.** **Tuan Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar satu penempatan pasukan tentera akan diadakan di Bukit Mertajam dan jika benar bilakah rancangan itu akan dilaksanakan.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT MEMILIH  
TIMBALAN YANG DI-PERTUA

**Menteri Tak Berpotfolio** akan mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN PEMBERITAHU- PEMBERITAHU USUL

**1. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri** akan mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

**2. Menteri Tak Berportfolio** akan mencadangkan:

Bahawa Ahli-ahli yang berikut:

Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed bin Nasir;

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Husain;

Yang Berhormat Tuan Kam Woon Wah; dan

Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam.

hendaklah jadi ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Ketiga Parlimen Yang Kelima.

**3. Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar** akan mencadangkan:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kelima.”

**4. Menteri Kewangan** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini,  
*mengambil perhatian* atas kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam tempoh 10 tahun yang lalu;

*bersetuju* dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan utama perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta memperkuatkan lagi ketahanan negara;

*meluluskan* Rancangan Malaysia Keempat yang telah dirangka dengan teliti untuk memenuhi cita-cita dan hasrat negara berdasarkan kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru melalui pelaksanaan usaha-usaha dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 10/81; dan

seterusnya *menyeru* semua rakyat Malaysia dari semua lapisan supaya terus meningkatkan usaha dan sumbangan mereka untuk membentuk satu Negara yang bersatupadu, saksama, maju, kukuh dan aman damai selaras dengan objektif Rukunegara.

- |  |     |     |     |     |                           |
|--|-----|-----|-----|-----|---------------------------|
| 5. *(DR 7/81) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan<br>(1979 dan 1980) ...          | ... | ... | ... | ... | Bacaan Kali<br>Yang Kedua |
| 6. *(DR 9/81) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan)                              |     |     |     |     | ,,                        |
| 7. *(DR 1/81) Rang Undang-undang Tanah (Kawasan<br>Penempatan Berkelompok) (Pindaan) |     |     |     |     | ,,                        |
| 8. *(DR 3/81) Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara<br>(Pindaan)                     | ... | ... | ... | ... | ,,                        |
| 9. *(DR 5/81) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan<br>(Pindaan)                       | ... | ... | ... | ... | ,,                        |
| 10. *(DR 6/81) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan<br>Wilayah Kedah ...              | ... | ... | ... | ... | ,,                        |
| 11. *(DR 2/81) Rang Undang-undang Polis (Pindaan)                                    | ... |     |     |     | ,,                        |
| 12. *(DR 8/81) Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) ...                           |     |     |     |     | ,,                        |
| 13. *(DR 4/81) Rang Undang-undang Kanak-kanak dan<br>Orang Muda (Pindaan)            | ... | ... | ... | ... | ,,                        |

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang ini diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM  
MESYUARAT**

		Tarikh dibentangkan
	1980	
ST. 115 ...	Board of Trustees, National Art Gallery— Balance Sheet, Statement of Income and Expenditure For The Year Ended 31st December, 1973	13hb April, 1981
ST. 116 ...	Lembaga Amanah, Balai Seni Lukis Negara—Timbangan Kira-kira, Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Berakhir 31hb Disember, 1976	13hb April, 1981
ST. 117 ...	Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara—Kunci Kira-kira, Penyata Pen- dapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Berakhir 31hb Disember, 1977	13hb April, 1981
ST. 118 ...	Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara—Kunci Kira-kira Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Berakhir 31hb Disember, 1978	13hb April, 1981
CMD. 28 ...	Laporan Tahunan—Suruhanjaya Perkhid- matan Keretapi Tanah Melayu Bagi Tahun 1979	13hb April, 1981
DN. 3/80 ...	Laporan Yang Pertama Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, Penggal Yang Kedua Dewan Negara Yang Kelima (Naskhah bercetak)	13hb April, 1981
DN. 4/80 ...	Laporan Yang Kedua Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, Penggal Yang Kedua Dewan Negara Yang Kelima (Naskhah bercetak)	13hb April, 1981
	1981	
ST. 2 ...	Laporan Tahunan 1979—Lembaga Urusan Dan Tabung Haji	13hb April, 1981
ST. 4 ...	Perintah Ordinan Tahanharta (Perluasan) 1980	13hb April, 1981

			Tarikh dibentangkan
	1981		
ST.	5 ...	Perintah Ordinan Siberhutang (Perluasan) 1980	13hb April, 1981
ST.	6 ...	Perintah Akta Mahkamah Rendah (Perluasan) 1980	13hb April, 1981
ST.	7 ...	Laporan Suruhanjaya Pasukan Polis Bagi Tahun 1976	13hb April, 1981
ST.	8 ...	Laporan Suruhanjaya Pasukan Polis Bagi Tahun 1977	13hb April, 1981
ST.	9 ...	Laporan Suruhanjaya Pasukan Polis Bagi Tahun 1978	13hb April, 1981
ST.	10 ...	Laporan Suruhanjaya Pasukan Polis Bagi Tahun 1979	13hb April, 1981
ST.	36 ...	Laporan Tahunan Dan Kira-kira 1977— Lembaga Tabung Angkatan Tentera	13hb April, 1977
CMD.	10 ...	Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 ...	13hb April, 1981

## PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN BAGI JAWAB MULUT

1. **Tuan V. V. Aboo** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau berpuashati tentang kemajuan yang telah dicapai oleh Majlis Perhubungan Masyarakat yang telah ditubuhkan di seluruh negara; dan apakah objektif Majlis ini selain daripada mengeratkan perpaduan dan menyemai semangat perpaduan di antara rakyat di negara ini.
2. **Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah syarikat-syarikat swasta di negara asing terutamanya negara-negara Eropah yang telah melabur modal atau memulakan perusahaan di negara ini, setelah beberapa kali rombongan Malaysia menarik pelabur-pelabur asing mengadakan lawatan ke negara luar dan adakah beliau bercadang untuk menghantar lebih banyak rombongan seumpama ini keluar negeri dan apakah hasil yang didapati dari lawatan rombongan ini.
3. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah rakyat Malaysia sehingga hujung tahun 1980 mengikut kaum dan negeri.
4. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bentuk kawalan yang telah dibuat untuk menjaga dan mengawasi bahawa kapal-kapal minyak yang keluar dan masuk ke perairan Malaysia supaya tidak melakukan apa-apa penyelewangan.
5. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia ada membuat hubungan atau mencapai sebarang sefahaman hasil dari lawatan perwakilan Iran ke Malaysia tempoh hari dan jika ada sila nyatakan.
6. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sebab-sebabnya Bangunan MARA di Padang Rengas yang dicadangkan itu masih belum dibina dan nyatakan berapa buah bangunan yang sebenarnya akan didirikan.
7. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:
  - (a) sama ada sebuah kilang simen akan didirikan di Padang Rengas dan sama ada orang-orang tempatan akan diambil bekerja apabila kilang itu siap kelak, dan

(b) sama ada kemudahan pencegahan pencemaran akan dipasang di kilang tersebut.

**8. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada tempat-tempat yang indah serta bersejarah di Telok Bakong, Parit, Perak iaitu:

- (i) Makam Sultan Mudzaffar Shah (Sultan Pertama Negeri Perak);
- (ii) Air Mati; dan
- (iii) Pasir Telor.

akan dimajukan sebagai tempat pelancungan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancungan.

**9. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) nama anak-anak Syarikat PERNAS serta jenis perniagaannya;
- (b) jumlah peruntukan untuk PERNAS bagi tahun 1981; dan
- (c) kejayaan kaum Bumiputra di bawah PERNAS.

**10. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan Kemajuan yang telah dicapai oleh Muzium Negara dalam projek-projeknya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan nyatakan peranan yang dimainkan oleh Muzium Negara dalam perhubungannya dengan Muzium-muzium Negeri.

**11. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) bilangan pekerja di ladang-ladang getah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak;
- (b) bilangan pekerja itu mengikut pecahan kaum; dan
- (c) kekurangan tenaga buruh dalam negara sekarang dalam semua peringkat.

**12. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Politeknik Ungku Omar di Ipoh akan dijadikan sebuah kampus cawangan sebuah Universiti untuk jurusan yang berkaitan; jika tidak, nyatakan sama ada negeri Perak akan perolehi sebuah kampus cawangan seperti yang terdapat di beberapa buah negeri lain.

**13. Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan pelajar-pelajar yang telah diambil masuk kelima-lima universiti tempatan di negara kita pada tahun 1980-1981 mengikut kaum seperti berikut:

**PENEMPATAN PENUNTUT DI INSTITIUT PELAJARAN TINGGI**

	1980-81					1981				
	B	C	I	O	J	B	C	I	O	J
1. U. Pertanian .. .. .. ..										
2. U. Malaya .. .. .. ..										
3. U. Sains .. .. .. ..										
4. Institiut Teknoloji .. .. ..										
5. U. Kebangsaan .. .. ..										

B = Bumiputra

O = Lain-lain

C = China

J = Jumlah

I = Indian

**14. Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) jumlah bilangan permohonan untuk masuk ke universiti-universiti tempatan bagi 5 tahun kebelakangan; dan

(b) angka pengambilan bagi tempoh yang sama.

**15. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan Kaum Wanita dari golongan manakah yang ramai memegang Jawatan-jawatan Kerajaan keseluruhannya, sama ada di agensi-agensi Kerajaan atau Badan-badan Berkanun; dan nyatakan bilangan mereka mengikut peratus.

**16. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kementerian ini maklum akan nasib beratus-ratus orang pekerja Malaysia di beberapa Negara Arab, terutama mereka yang bekerja dengan orang perse-orangan, dikatakan sedang menderita kerana ditindas oleh majikan masing-masing sama ada lelaki atau wanita; dan adakah pihak Kementerian akan membantu mereka ini supaya dapat pulang ke Malaysia.

**17. Tuan Alexander Lee** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar spesifikasi yang ditentukan di dalam tender bagi pembelian kereta-kereta kebal untuk Angkatan Tentera Darat Malaysia yang dikeluarkan dalam tahun 1980 adalah dirangkakan untuk sejenis bentuk kenderaan tertentu seperti yang telah dituduh oleh akhbar asing baru-baru ini dan kenderaan tersebut belum dikeluarkan iaitu hanya di dalam "prototype form" yang hanya telah dijual kepada Afrika Selatan.

**18.** **Tuan Alexander Lee** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan berapakah jumlah wang yang dikutip di bawah sekim Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCOSO):

- (i) setiap tahun, sejak ianya dimulakan; dan
- (ii) apakah jumlah keseluruhannya hari ini.

**19.** **Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Pelajaran menyatakan angka penge- luaran mahasiswa-mahasiswa berijazah mengikut kaum dari tiap-tiap universiti tempatan dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga mengikut kursus-kursus pelajaran yang diambil oleh mereka.

**20.** **Tuan K. Kumaran** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) faedah yang diperolehi oleh Malaysia semenjak Malaysia membaharui Perjanjian “International Tin Agreement”;
- (b) mengapakah harga bijih timah tidak begitu stabil di pasaran dunia; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil untuk menstabilkan harga bijih timah di pasaran dunia sekarang.

**21.** **Tuan K. Kumaran** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada benar Hospital Bahagia di Tanjung Rambutan dan Hospital Permai di Tampoi sedang mengalami kekurangan pakar pesakit jiwa (psychiatrist);
- (b) sama ada banyak pesakit-pesakit otak yang belum sembah dengan sepenuhnya dibenarkan pulang ke rumah; dan
- (c) tindakan yang sedang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan pakar pesakit jiwa (psychiatrist) di hospital-hospital tersebut.

**22.** **Tuan K. Kumaran** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) jumlah permohonan yang diluluskan bagi pemasangan telefon pada tahun 1980 dan jumlah pemohon yang masih menunggu sehingga hari ini;
- (b) jumlah telefon awam yang terdapat di ladang-ladang getah seluruh Malaysia; dan
- (c) sama ada Kerajaan akan merancang pembinaan pondok telefon di setiap ladang-ladang getah di seluruh Malaysia dan jika ya, nyatakan bila ran- cangan ini akan selesai.

**23.** **Tuan K. Kumaran** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pendatang haram yang dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan memasuki negara ini dengan tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah;
- (b) jumlah pendatang haram yang terlibat dalam jenayah di Semenanjung Malaysia; dan

(c) sama ada benar banyak pendatang haram dari Indonesia bekerja di ladang-ladang kelapa sawit di negara ini dan jika benar, nyatakan dasar Kerajaan terhadap pekerja-pekerja haram ini.

**24. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada Kementeriannya mempunyai bilangan guru yang mencukupi dan benar-benar sesuai bagi mengajar 3M di sekolah-sekolah rendah; dan
- (b) rancangan Kerajaan untuk melatih guru-guru yang sedang berkhidmat untuk mengajar 3M dengan lebih berkesan.

**25. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan kos pembinaan Lebuhraya-lebuhraya yang lain dalam Rancangan Malaysia Keempat dan bila pembinaannya dijangka siap; dan menyatakan pihak yang memberiayai kos pembinaan lebuhraya-lebuhraya tersebut.

**26. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bila Lebuhraya East Highway dari Grik ke Jeli dapat digunakan dan jumlah perbelanjaan membina lebuhraya tersebut.

**27. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan kilang perusahaan yang diluluskan pada tahun 1980 di Malaysia dan jumlah peratus saham equity yang dimiliki oleh pihak-pihak terlibat; dan
- (b) sama ada Kerajaan mempunyai suatu rancangan khas di mana rakyat Malaysia keturunan India dapat memiliki peratus saham yang lebih memuaskan memandangkan pemilikan saham oleh golongan ini adalah amat kurang.

**28. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar inflasi di negara ini; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk mendapatkan harga pasaran yang tinggi bagi bahan-bahan utama pengeluaran Malaysia.

**29. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah usaha-usaha yang beliau telah ambil untuk melindungi binatang liar dari terus pupus dengan pembukaan tanah-tanah pembangunan dan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan satu simpanan khas bagi pembiakan binatang dan keselamatan mereka dari gangguan manusia.

**30. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kerajaan bercadang memindahkan tapak Zoo Negara yang ada sekarang ini ke tempat yang lain memandangkan kawasan tersebut tidak sesuai lagi dengan adanya pembangunan perumahan di sekelilingnya kerana binatang-binatang yang ada di dalam Zoo tersebut tidak tenteram di samping itu juga pihak Zoo pula selalu mengalami kekurangan peruntukan.

- 31.** **Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan siapa yang bertanggungjawab untuk menjaga kawasan Templer Park dan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperbaiki dan mempermodenkan kawasan tersebut bagi tujuan orangramai terutama sekali pada masa cuti dan hujung minggu.
- 32.** **Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apa tindakan beliau akan ambil mengenai gedong dan kilang-kilang perniagaan yang dipunyai oleh swasta yang tidak mengimbangkan gaji pekerja iaitu ada yang dibayar \$2.50 sehari seorang dan ada yang dibayar \$3.50 sehari seorang.
- 33.** **Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah bilangan guru-guru Inggeris dari luar negeri yang sedang berkhidmat di Malaysia dan nama-nama sekolah di mana mereka sedang berkhidmat sekarang.
- 34.** **Datuk Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan bank-bank serta nama-nama dan nama-nama lembaga pengarah bank-bank di negara ini.
- 35.** **Datuk Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan syarikat kewangan dan nama ahli-ahli lembaga pengaruhnya yang terdapat di negara ini.